

12 JUL 2000

PENUNTUT UNIVERSITI TEMPATAN DAN LUAR NEGARA TUBUHKAN PERSATUAN

PETALING JAYA, 12 Julai (Bernama) -- Para penuntut universiti-universiti di Malaysia dan Britain telah membentuk Malaysia Connect United Kingdom 2000 (MUCK 2000), satu badan penuntut untuk menjalin hubungan produktif antara penuntut-penuntut Malaysia di dalam dan di luar negara.

MUCK 2000 yang dibentuk Januari lepas mahu membantu dalam membentuk generasi penuntut Malaysia yang berpengetahuan dan mampu menghadapi cabaran k-ekonomi.

"Idea bagi membentuk MUCK 2000 timbul selepas sesi dialog antara penuntut Malaysia di United Kingdom dan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad awal tahun ini," kata pengerusi MUCK 2000 Lee Chung Han di persidangan berita di Cancerlink Foundation di sini.

Penuntut tahun pertama London School of Economics itu berkata, selaras dengan objektifnya, badan itu akan menganjurkan dua acara ulung -- majlis tari menari 'The Summer Charity Ball' dan Persidangan 'Malaysia Beyond 2000 E-Revolution' pada Ogos.

Majlis tari menari itu diadakan bagi mengutip derma bagi Cancerlink Foundation, sebuah pertubuhan bukan kerajaan yang menyediakan sokongan emosi, praktikal dan maklumat bagi mereka yang menghidap barah, anggota keluarga dan rakan-rakan mereka.

Anggota-anggota badan penuntut itu datang daripada universiti-universiti British dan universiti-universiti tempatan.

-- BERNAMA

MLS AHH SK PR